

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	05 APRIL 2017

Najib, Modi rintis lonjakan era baharu

BH - 5/4/2017

Lawatan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak ke India jelas beri gambaran hubungan diplomatik India-Malaysia kukuh selepas enam dekad. Beliau turut menyifatkan hubungan Malaysia dan India sebagai 'orde baharu Asia'.

Bagi India, Malaysia negara cepat membangun selepas merdeka sejak 1957. Pencapaian status sosioekonomi kita jauh lebih membangun berbanding negara Asia lain. Inilah faktor utama bagi India melihat Malaysia sebagai penting di Asia. Faktor lain ialah pelan pembangunan di bawah pentadbiran Kerajaan Barisan Nasional (BN) sejak 1957.

Antara aspek menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara terkenal di Asia ialah prasarana baik dan sistem perbankan yang kukuh, sekali gus memberikan pelbagai manfaat kepada pelabur asing yang datang selain kestabilan politik dan ekonomi.

India pula, ekonominya pantas bergerak dengan kuasa beli rak-

yatnya tinggi. Kunjungan Perdana Menteri menunjukkan Malaysia ingin memperkukuhkan lagi hubungan sedia ada sebagai rakan ekonomi penting.

India eksport terbesar negara

Sejak 1998, India menjadi destinasi eksport terbesar Malaysia di mana sektor perdagangan meningkat lebih empat kali ganda. India juga rakan dagang Malaysia ke-10 terbesar dengan pelaburan hampir AS\$2.31 bilion (RM10.23 bilion). Kerjasama kedua-dua negara boleh capai tahap lebih tinggi sekiranya kerjasama dikembangkan berikutan ledakan teknologi maklumat dan faktor ekonomi global.

Potensi dan kekuatan pasaran modal Malaysia-India diharapkan melonjak berikutan termeterainya enam memorandum persefahaman (MoU) dan satu perjanjian yang buka ruang ke arah peningkatan hubungan ekonomi.

Antara yang menarik, cadangan pembangunan kilang pengeluar-

an urea dan amonia di Malaysia serta pembelian lebih urea dari Malaysia ke India. Projek berkenaan dijangka membabitkan kos AS\$2 bilion (RM8.85 bilion) dengan kapasiti pengeluaran 2.5 juta tan setahun khususnya untuk pasaran India.

Meterai MoU

Malah, kedua-dua negara turut memeterai MoU antara Pembangunan Sumber Manusia Berhad dan Institut Pembangunan Keusahawanan India, serta Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) dan Institut Teknologi Kimia (ICT) bagi kerjasama dalam pembangunan teknologi minyak sawit.

Hubungan kini merintis ke sektor lain. Ini satu lonjakan besar di dalam hubungan. Selain perkhidmatan udara dua hala, India berusaha meningkatkan ikatan dalam sektor pendidikan dan kesihatan. Ia jelas dengan mewujudkan MoU pendidikan seperti antara Persatuan Universiti-universiti India (AIU), New Delhi dan

Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) mengenai Pengiktirafan Bersama Kelayakan Pendidikan bagi menggalakkan pelajar menuntut di kedua-dua negara.

Penerokaan aspek sektor kewangan tetap jadi pilihan hubungan dua hala, termasuk penyertaan dalam pasaran modal serta pemberian lesen perbankan komersial. India turut berpuas hati dengan penyertaan syarikat Malaysia dalam projek jalan di Rajasthan dan berharap dapat melaksanakan projek infrastruktur di sana dan negeri lain.

Syabas diucapkan kepada Perdana Menteri yang mana lawatan India melengkapinya ulang tahun ke-60 hubungan rasmi diplomatik. Hubungan kini dikongsi bersama ke pelbagai perspektif lain selain usaha mendapatkan pertumbuhan saksama dan lestari.

Ditambah kedudukan Malaysia sebagai pintu masuk atau hab perfileman bagi industri filem India yang akan memaparkan nama Malaysia di rentas global.